



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENILAIAN AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) DI MALAYSIA

Bahagian Perubatan Tradisional dan
Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia
2022
(Edisi 2.0)

KANDUNGAN

MUKA SURAT

KANDUNGAN	1
TAFSIRAN	2
1.0 PENGENALAN	3
1.1 Objektif	3
2.0 METODOLOGI PENILAIAN AMALAN PT&K DI MALAYSIA	4
3.0 PERMOHONAN PENILAIAN AMALAN PT&K DI MALAYSIA	6
4.0 PROSES RAYUAN	8
5.0 MAKLUMAT TAMBAHAN	9
6.0 LAMPIRAN	10

TAFSIRAN

Perubatan tradisional dan komplementari merujuk kepada suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu dan termasuk amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, penguabatan Islam, homeopati, dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan perubatan dan pergigian yang masing-masing digunakan oleh pengamal perubatan dan pengamal pergigian.

Bidang amalan adalah merupakan suatu bidang, lapangan, kepakaran atau perkara yang tertentu dalam amalan perubatan tradisional dan komplementari dan termasuk subbidang, sublapangan, subkepakaran atau subperkara.

Bidang amalan diiktiraf adalah merupakan bidang amalan yang diiktiraf oleh Menteri di bawah seksyen 20.

Panel Penilaian Rayuan adalah panel yang dilantik oleh Majlis PT&K untuk memberi cadangan kepada Majlis PT&K berkenaan hasil penilaian setiap rayuan yang diterima.

1.0 PENGENALAN

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] telah diwartakan pada 10 Mac 2016 dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2016. Akta ini memperuntukkan penubuhan Majlis PT&K untuk mengawalselia amalan dan pengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf sahaja.

Subseksyen 20 (1) Akta 775 menyatakan bahawa “Majlis hendaklah, dari semasa ke semasa, mengenal pasti bidang amalan yang perlu dilaksanakan di Malaysia, dan hendaklah membuat syor kepada Menteri supaya bidang amalan itu ditetapkan sebagai bidang amalan yang diiktiraf”.

Subseksyen 20(2) Akta 775 pula, menyatakan bahawa “Menteri boleh, selepas mempertimbangkan syor Majlis, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menetapkan bidang amalan itu sebagai bidang amalan diiktiraf.

Oleh yang demikian, bidang-bidang amalan yang belum diiktiraf perlu melalui satu proses penilaian mengikut mekanisme dan kriteria penilaian amalan sebelum ia disyorkan kepada Menteri untuk menjadi bidang amalan yang diiktiraf.

1.1 Objektif


Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan penerangan berkenaan proses permohonan penilaian amalan PT&K di Malaysia untuk menjadi bidang amalan yang diiktiraf di bawah Akta 775.

Metodologi penilaian amalan yang terdapat dalam garis panduan ini telah dibentangkan dan mendapatkan persetujuan daripada Majlis PT&K. Garis panduan ini berkuat kuasa pada Januari 2022.

Pada masa ini, garis panduan ini tidak terpakai untuk menilai amalan perubatan orang asal di Malaysia dan akan diteliti serta dipinda dari semasa ke semasa.

2.0 METODOLOGI PENILAIAN AMALAN PT&K DI MALAYSIA

Penilaian amalan PT&K untuk menjadi bidang amalan yang diiktiraf di bawah Akta 775 akan melalui empat (4) fasa proses penilaian iaitu pra – penilaian (Fasa I), pemantauan dan penilaian (Fasa II), pasca – penilaian (Fasa III) dan pewartaan sebagai bidang amalan yang diiktiraf (Fasa IV) seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Proses Kerja Penilaian Amalan PT&K di Malaysia

3.0 PERMOHONAN PENILAIAN AMALAN PT&K DI MALAYSIA

3.1 Permohonan untuk menilai amalan PT&K hanya boleh dikemukakan oleh satu (1) Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bagi mewakili semua NGO yang berkaitan dengan bidang amalan PT&K yang dimohon.

3.2 Pemohon bertanggungjawab untuk:

3.2.1 menyediakan senarai semua NGO yang berdaftar dengan JPPM yang berkaitan dengan bidang amalan PT&K yang dimohon;

3.2.2 mendapatkan persetujuan (majoriti mudah) daripada NGO yang disenaraikan terhadap permohonan untuk menjadikan amalan yang dimohon sebagai bidang amalan yang diiktiraf di bawah Akta 775;

3.2.3 memaklumkan kepada semua ahli yang berdaftar dengan NGO yang berkaitan berkenaan permohonan dan bersedia untuk menerima lawatan penilaian premis dari semasa ke semasa.

3.2 Pemohon diminta untuk melengkapkan Borang Permohonan Penilaian Amalan PT&K di Malaysia (BPTK(AP)-BOR-05 Pin.1/2023). Borang permohonan ini mengandungi lima (5) bahagian:

Bahagian I : Maklumat pemohon / NGO / fasiliti dan sumber manusia

Bahagian II : Maklumat berkenaan bidang amalan PT&K yang dinilai

Bahagian III : Bukti penyelidikan

Bahagian IV : Justifikasi permohonan

Bahagian V : Pengesahan

3.3 Satu (1) senarai semak disediakan bersama-sama borang permohonan untuk membantu pemohon melengkapkan dokumen sokongan yang diperlukan (BPTK(AP)-BOR-06 Pin.1/2023). Pemohon diminta untuk melampirkan dokumen-dokumen sokongan seperti:

3.4.1 Salinan sijil pendaftaran dengan JPPM;


3.4.2 Butiran kelayakan akademik yang berkaitan;

3.4.3 Dokumen sokongan daripada pihak berkuasa yang kompeten sebagai pembuktian program akademik / kemahiran yang disenaraikan;

- 3.4.4 Dokumen sokongan daripada pihak berkuasa yang kompeten sebagai pembuktian bagi negara yang mengawal selia amalan PT&K yang dimohon selain dari Malaysia;
 - 3.4.5 Perakuan pendaftaran untuk produk yang digunakan bagi amalan yang dinilai;
 - 3.4.6 Perakuan pendaftaran untuk peranti perubatan yang digunakan bagi amalan yang dinilai; dan
 - 3.4.7 Salinan bukti penyelidikan yang relevan bagi amalan PT&K yang dimohon dan terjemahan bagi dokumen rujukan yang bukan dalam Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris (Penterjemahan oleh penterjemah bertauliah).
- 3.5 Pemohon akan diberikan maklum balas rasmi oleh Sekretariat Penilaian Amalan PT&K dalam masa tiga (3) hari bekerja bagi memperakui tarikh penerimaan dokumen.

4.0 PROSES RAYUAN

- 4.1 Pemohon boleh membuat rayuan untuk penilaian semula kepada Menteri Kesihatan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh penolakan atau setelah maklumat yang mencukupi tersedia untuk mengatasi asas penolakan permohonan.
- 4.2 Rayuan boleh dikemukakan sekali sahaja dan keputusan Menteri adalah muktamad.
- 4.3 Pemohon diminta untuk melengkapkan Borang Permohonan Rayuan (BPTK(AP)-BOR-07) berdasarkan bukti dan dokumen sokongan yang baharu. Permohonan yang dikemukakan akan dinilai semula oleh Jawatankuasa Penilaian Rayuan seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Proses Penilaian Rayuan

5.0 MAKLUMAT TAMBAHAN

- 5.1 Hanya permohonan yang lengkap sahaja yang akan diproses.
- 5.2 Tiada pindaan dibenarkan selepas permohonan dihantar.
- 5.3 Permohonan lengkap dan semua dokumen sokongan perlu dihantar melalui e-mel kepada tcm@moh.gov.my (u.p: Cawangan Amalan PT&K).
- 5.4 Sekiranya pemohon gagal mengemukakan dokumen lengkap dalam tempoh TIGA (3) bulan dari tarikh maklum balas Sekretariat Penilaian Amalan PT&K, proses penilaian akan ditamatkan dan tidak akan diteruskan. Permohonan baharu boleh dikemukakan semula pada masa akan datang.
- 5.5 Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia akan memberikan maklum balas rasmi berkaitan hasil penilaian kepada pemohon.
- 5.6 Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
 - Cawangan Amalan PT&K
 - Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari,
 - Kementerian Kesihatan Malaysia,
 - Blok D, Jalan Cenderasari,
 - 50590 Kuala Lumpur.
 - Telefon : 03-22798100
 - Faks : 03-26911259
 - E-mel : tcm@moh.gov.my

NOTA: Garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan tanpa apa-apa notis awal.

6.0 LAMPIRAN

